

Perluas kefahaman mengenai Islam: PM

Adil ter hadap semua rakyat

Pemerintahan

BH 1 DEC 1987

Oleh AHMAD PUAD ONAH

Beliau berkata, dengan kuasa yang ada padanya, kerajaan akan memastikan arah aliran negara ini tidak lari daripada ajaran Islam.

"Kalau kita buat sesuatu tanpa bertanggungjawab hingga berpisah kuasa, tiada siapa yang harus bersalah melainkan kita sendiri," katanya.

Dalam hubungan ini, Perdana Menteri berkata, umat Islam di negara ini harus bersyukur dengan nasib mereka yang baik kerana dapat menguasai dan memerintah negara, walaupun mereka hanya 50 peratus daripada jumlah penduduk.

Menurutnya, ada negara yang 100 peratus penduduknya beragama Islam, tetapi kuasa pemerintahannya jatuh pada orang bukan Islam, seperti Palestin yang diperintah oleh Yahudi.

"Kuasa yang ada pada kita perlu digunakan untuk mengukuhkan kedudukan supaya ia tidak terlucut. Saya berpendapat apabila kuasa pemerintahan kita terlucut, agak sukar untuk mendapatkannya kembali," katanya.

Bagi mencapai matlamat itu, beliau berkata, tidak ada jalan lain melainkan menerusi perpaduan dan penyatuan tenaga seluruh umat Islam, memperkuatkan kedudukan politik dan meningkatkan ekonomi.

Kira-kira 1,000 imam, guru agama dan pemimpin masyarakat menghadiri kursus sehari itu. Antara penceramah undangan ialah Pengerusi Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia, Datuk Seri Haji Kamaruddin Mat Isa dan Ketua Pengarah Bahagian Hal-Ehwal Agama, Datuk Dr Abdul Hamid Othman.

Turut hadir ialah Datin Seri Dr Siti Hasmah, Menteri Besar Datuk Seri Haji Osman Aroff dan Ahli-Ahli Exco Negeri.

JITRA, Khamis — Kerajaan akan terus memerintah negara ini dengan adil dan bertimbang rasa bagi menjaga kepentingan rakyat semua kaum, tegas Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata, walaupun pucuk pemerintahan dikuasai oleh orang Islam, kerajaan tidak berniat menyalahgunakan kuasa atau menindas penganut-penganut agama lain.

Menurutnya, sejarah sudah membuktikan bahawa pada zaman pemerintahan Islam dahulu, orang bukan Islam dapat hidup dengan aman.

"Tiada siapa yang patut takut kepada kerajaan yang diketuai oleh orang Islam," katanya ketika meraamikan Kursus Kesedaran Islam anjuran Bahagian Hal-Ehwal Islam Jabatan Perdana Menteri dan Majlis Agama Islam Kedah di sini, hari ini.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata, kerajaan bukan tidak ingin melaksanakan dasar dan rancangan yang selaras dengan kehendak Islam.

"Tetapi, kita perlu berhati-hati dan melaksanakannya sedikit demi sedikit dengan mengambil kira keadaan politik, masyarakat dan alam sekeliling," katanya.

Menurutnya, orang bukan Islam harus diberi penerangan mengenai ajaran dan undang-undang Islam yang sebenar supaya mereka memahami dan mendapat nikmat Islam.